

Set 2

1. Susunkan kategori SUA-SUA berikut mengikut risiko yang paling tinggi hingga ke rendah.

- i. SUA Ekuiti
- ii. SUA Pasaran Wang
- iii. SUA Imbang
- iv. SUA Hedge (Lindung Nilai)

- A. i , ii, iii, iv
- B. iv, i, iii, ii
- C. iii, iv, ii, i
- D. i, iv, iii, ii

**Jawapan B**

SUA Hedge (Lindung Nilai) adalah yang paling berisiko tinggi diikuti SUA Ekuiti, SUA Imbang (yang mempunyai pendedahan kepada Ekuiti) dan SUA Pasaran Wang.

2. SUA yang terdapat di pasaran dicipta untuk memenuhi keperluan yang berikut ini kepada para pelabur:

- A. Simpanan jangka panjang
- B. Pembelajaran anak-anak
- C. Dana Persaraan
- D. Semua di atas

**Jawapan D**

SUA adalah satu bentuk pelaburan jangka masa sederhana ke panjang bagi memenuhi objektif jangka panjang pelabur.

Sila rujuk kepada data yang diberikan di bawah untuk soalan 3 & 4

Bulan	NAB/unit
April	RM0.50
Mei	RM0.60
Jun	RM0.70

3. En. Dave melabur secara tetap dalam masa 3 bulan yang lepas. Jumlah pelaburannya ialah RM4,500. Berapakah kos purata pelaburannya?

- A. RM0.60
- B. RM0.59
- C. RM0.43
- D. RM0.56

**Jawapan B**

$$\begin{aligned} \text{Jumlah pelaburan} &= \text{RM}4,500 \\ \text{Jumlah unit} &= (\text{RM}1,500/\text{RM}0.50) + (\text{RM}1,500/\text{RM}0.60) + (\text{RM}1,500/\text{RM}0.70) \\ &= 3000 + 2500 + 2142.88 \\ &= 7642.00 \end{aligned}$$

$$\begin{aligned} \text{Kos purata pelaburannya} &= \text{Jumlah pelaburan}/\text{Jumlah unit} \\ &= \text{RM}4,500/7642.88 \\ &= \text{RM}0.59 \end{aligned}$$

4. Berapa jumlah unit yang diperolehi oleh En. Dave pada penghujung bulan Mei?

- A. 5,500
- B. 7,643
- C. 4,500
- D. 4,000

**Jawapan A**

$$\begin{aligned} \text{Jumlah unit bagi 2 bulan (April & Mei)} &= (\text{RM}1,500/\text{RM}0.50) + (\text{RM}1,500/\text{RM}0.60) \\ &= 3000 \text{ unit} + 2500 \text{ unit} \\ &= 5500 \text{ unit} \end{aligned}$$

5. Seorang pekerja berumur 20 tahun yang tergolong dalam Peringkat 1 bagi kategori pelanggan, mempunyai sedikit wang simpanan tetapi kurang komitmen dan juga sangat berwaspada terhadap pelaburan dengan SUA. Walau bagaimanapun beliau mempunyai tahap ketahanan yang tinggi terhadap risiko. Di antara yang berikut, dana yang manakah sepatutnya beliau melabur?

- A. SUA Pertumbuhan
- B. SUA Hedge (Lindung Nilai)
- C. SUA Pendapatan
- D. SUA Imbang

**Jawapan A**

Beliau boleh mula mengumpul sedikit wang simpanan dengan melabur dalam SUA yang berorientasikan pertumbuhan. Mungkin beberapa risiko tambahan boleh diambil dengan melabur dalam

- SUA yang lebih khusus dan agresif. Beliau juga mungkin boleh menangani kadar turun naik dalam pelaburan yang lebih tinggi bagi jangka masa pendek kerana tumpuan akan diberikan kepada pulangan bagi jangka masa panjang. (Bab 5, muka surat 5-7)
6. Pelan Induk Pasaran Modal memperkenalkan beberapa syor untuk merancakkan pertumbuhan pasaran modal Islam. Salah satu daripadanya adalah usaha untuk meningkatkan kesedaran tentang pasaran modal Islam Malaysia diperingkat domestik dan antarabangsa. Syor manakah yang telah disebutkan tadi?
- A. Syor 77  
B. Syor 66  
C. Syor 65  
D. Syor 73
- Jawapan D**  
(Bab 6, muka surat 6-2)
7. Kumpulan Guthrie telah menerbitkan bon korporat global yang pertama pada tahun
- A. 2000  
B. 1999  
C. 1997  
D. 2002
- Jawapan D**  
(Bab 6, muka surat 6-4)
8. Berikut yang manakah menggambarkan dengan lebih jelas tentang SUA tabung tertutup?
- A. Unitnya tidak disebut harga di bursa saham.  
B. Harga ditentukan oleh faktor penawaran & permintaan di Bursa Malaysia.  
C. Harga tidak berubah pada masa urusniaga dalam sehari.  
D. Mengaplikasikan harga hadapan.
- Jawapan B**  
Harga bagi sekuriti-sekuriti yang tersenarai ditentukan oleh para penjual & pembeli dalam pasaran. (Bab 1, muka surat 1 – 12)
9. Berikut yang manakah tidak seharusnya diamalkan oleh PEUA?
- A. “Pasaran sedang meningkat naik, sekarang adalah masanya untuk membeli, pertumbuhan modal adalah terjamin”.  
B. “Tidak mengapa jika anda tidak boleh melabur, anda boleh meminjam dari bank”.  
C. “Melaburlah dalam SUA ekuiti sekarang, anda berpeluang untuk memenangi hadiah misteri percuma”.  
D. Semua di atas.
- Jawapan D**
10. Yang manakah di antara berikut mempunyai kadar turun-naik harga yang tinggi?
- A. SUA Bon  
B. SUA Pertumbuhan Agresif  
C. SUA Pasaran Wang  
D. SUA Pendapatan
- Jawapan B**  
SUA Ekuiti dikelaskan sebagai “pertumbuhan agresif”, umumnya melabur ke dalam syarikat-syarikat yang mempunyai potensi untuk pertumbuhan modal yang tinggi tetapi mempunyai risiko yang tinggi juga. (Bab 1, muka surat 1-13)
11. Rahim dan Kajai melabur sebanyak RM64,000. Rahim menerima pulangan sebanyak 8.5% setahun. Beberapa tahun kemudian kedua-duanya telah dapat menggandakan pelaburan mereka. Kajai menerima pulangan lebih cepat selama 1.27 tahun. Berapakah kadar pulangan yang diperolehi Kajai?
- A. 8.5%  
B. 12%  
C. 10%  
D. 17%
- Jawapan C**  
Gunakan Peraturan 72  
Rahim menerima pulangan dalam 8.47 tahun ( $72/8.5$ )  
 $Kajai = 8.47 \text{ tahun} - 1.27 \text{ tahun} = 7.2 \text{ tahun}$   
 $\text{Pulangan Kajai} = 72/7.2 = 10\%$

12. Apa yang anda faham tentang pecahan unit 1:2 ?

- A. Unit dalam edaran akan berganda
- B. Harga akan berganda
- C. Harga keseluruhan dana akan berkurangan
- D. Semua adalah salah

**Jawapan D**

13. Kenyataan yang mana adalah betul:

SUA X	SUA Y
80% Ekuiti	20% Ekuiti
20% Pendapatan Tetap	80% Pendapatan Tetap

- A. Jika pasaran jatuh, X akan menerima kesan lebih negatif daripada Y.
- B. Jika pasaran naik, kedua-dua X dan Y akan menerima kesan negatif.
- C. Jika pasaran jatuh, X akan lebih menerima kesan positif daripada Y.
- D. Tiada yang betul.

**Jawapan A**

Prestasi kebanyakan SUA ekuiti berkait rapat dengan prestasi pasaran saham. Pasaran saham yang meningkat selalunya akan mengakibatkan kenaikan nilai unit dalam SUA ekuiti dan sebaliknya. (Bab 1, muka surat 1-13)

14. En. A hendak melabur sebanyak RM150,000. Berapakah jumlah maksimum yang beliau boleh pinjam daripada institusi kewangan?

- A. RM200,000
- B. RM66,000
- C. RM100,500
- D. RM120,000

**Jawapan C**

Jumlah maksima =  $RM150,000 \times 67\% = RM100,500$

15. Hak-hak pemegang unit dalam SUA adalah yang berikut kecuali:

- A. Menerima laporan tahunan dan interim SUA.
- B. Mengadakan mesyuarat pemegang unit.
- C. Menerima pengagihan daripada SUA.
- D. Menukar portfolio pelaburan.

**Jawapan D**

Pemegang unit tiada hak untuk menentukan portfolio pelaburan – kehilangan kawalan. (Bab 1, muka surat 1 – 5). Hak-hak pemegang unit. (Bab 1, muka surat 1 – 27)

16. Kadar cukai = 20%

Kadar inflasi = 5%

Kadar pulangan = 10%

Kirakan kadar pulangan efektif selepas cukai dan inflasi.

- A. 3%
- B. 5%
- C. 10%
- D. 20%

**Jawapan A**

Pulangan selepas cukai

Kadar pulangan – (Kadar pulangan x Kadar cukai)

$$= 10\% - (10\% \times 20\%)$$

$$= 10\% - 2\%$$

$$= 8\%$$

Kadar pulangan berkesan

Pulangan selepas cukai – kadar inflasi

$$= 8\% - 5\%$$

$$= 3\%$$

17. Apabila membandingkan prestasi SUA bagi sesuatu masa, NPP yang semakin berkurangan akan menunjukkan?

- A. SPUA tidak menguruskan segala yuran dan perbelanjaan dengan baik.
- B. SPUA menguruskan segala yuran dan perbelanjaan dengan baik.
- C. NAB SUA itu meningkat.
- D. NAB SUA itu menurun.

**Jawapan B**

NPP yang semakin berkurangan dalam sesuatu jangka masa menunjukkan SPUA mungkin menguruskan kos-kos operasi dengan baik berdasarkan saiz tabung SUA. (Bab 1, muka surat 1 – 32)

18. Rakan anda memberitahu, "Apabila saya bersara pada tahun 2020, saya percaya IKKL akan berkembang dengan pesatnya. Saya sangat gembira dengan keadaan ini. Berikan saya SUA yang boleh memberikan keputusan yang sama." Apakah yang boleh anda cadangkan kepada rakan anda?

- A. Beli SUA pertumbuhan modal kerana ianya boleh memberikan pulangan yang lebih baik dari IKKL pada 2020.
- B. Beli SUA imbang kerana pulangan pelaburan adalah kurang turun-naik berbanding IKKL.
- C. Beli SUA dagangan indeks dengan menggunakan IKKL sebagai penanda aras.
- D. Oleh kerana jangka masa yang lama, jangan risau kerana boleh beli mana-mana SUA pun.

**Jawapan C**

19. Apakah maksud kelebihan kecairan yang ditawarkan oleh SUA?
- A. Kecairan seperti wang tunai.
  - B. Boleh membeli atau menebus semula pada bila-bila masa.
  - C. Beli banyak unit apabila pasaran naik dan kurang bila pasaran jatuh.
  - D. Tiada satu pun diatas.

**Jawapan B**

Salah satu kelebihan SUA ialah mudah tunai ataupun kecairan yang tinggi dimana pelaburan boleh dijual dalam masa yang singkat sahaja. SUA mempunyai kelebihan ini kerana unit boleh dibeli dan dijual bila-bila masa melalui SPUA, PIUA dan PEUA.

20. Purata kos dolar adalah:
- A. Beli semasa harga rendah dan jual apabila harga tinggi.

- B. Beli semasa harga tinggi dan jual apabila harga rendah.
- C. Pelaburan secara tetap pada jumlah amaun yang tetap.
- D. Beli unit yang tetap pada setiap masa.

**Jawapan C**

Konsep ini merujuk kepada pelaburan secara sistematik dan tetap dengan amaun yang tetap, tidak kiralah dengan tahap harga pelaburan yang berbeza-beza semasa pelaburan itu dibuat.

21. En. Ahmad pertama kalinya melabur dengan harga RM0.20. Beliau menambah wang dalam pelaburan keduanya dan menerima 10,000 unit. Beliau menebus semula pelaburannya sebulan selepas itu dan menerima RM15,000 bagi RM0.25 seunit. Berapa banyak yang beliau labur pada pelaburan pertamanya?
- A. RM15,000
  - B. RM10,000
  - C. RM5,000
  - D. RM20,000

**Jawapan B**

Jumlah unit didapati semasa penebusan semula:

$$\begin{aligned} \text{RM15,000/RM0.25} &= 60,000 \text{ unit} \\ \text{Pelaburan kedua} &= 10,000 \text{ unit} \\ \text{Pelaburan pertama} &= 60,000 \text{ unit} - 10,000 \text{ unit} \\ &= 50,000 \text{ unit} \\ \text{Jumlah pelaburan} &= 50,000 \text{ unit} \times \text{RM0.20} \\ &= \text{RM10,000} \end{aligned}$$

22. Apakah tujuannya jadual prestasi UA?

- A. Untuk SS mengawalselia dana.
- B. Untuk PPUAM mengawalselia SUA.
- C. Mengasingkan tabung kepada kategori yang berlainan berdasarkan saiz tabung.
- D. Memberi pelabur suatu cara untuk memantau dan menilai prestasi SUA.

**Jawapan D**

Jadual prestasi SUA yang diterbitkan oleh pusat penyelidikan yang disahkan oleh PPUAM boleh menjadi alat berguna memantau prestasi pelaburan. (Bab 1, muka surat 1-37)

23. SUA Islam hanya melabur dalam kaunter-kaunter halal seperti: = RM1.40

- A. Perbankan konvensional
- B. Telekomunikasi
- C. Perjudian
- D. Alkohol

**Jawapan B**  
(Bab 6, muka surat 6-13)

24. Yang mana satukah menggambarkan SUA tabung terbuka?

- A. Harga berubah-ubah dalam masa sehari.
- B. Pengurus tabung perlu membeli balik daripada pelabur.
- C. Transaksi melalui broker saham.
- D. Ianya adalah saham hartanah.

**Jawapan B**

Jualan dan belian balik oleh unit pelabur dalam SUA tabung terbuka diurusniagakan secara langsung dengan SPUA, selalunya dengan bantuan PEUA. (Bab 1, muka surat 1-12)

Soalan 25 & 26 hendaklah dijawab berdasarkan yang berikut:

NAB sebelum pengagihan bagi Dana A adalah RM150,000,000. Unit dalam edaran adalah 100,000,000. Dana itu mengumumkan pengagihan sebanyak RM0.10 seunit dan pengurus tabung mengenakan bayaran perkhidmatan awal sebanyak 5%.

25. Berapakah NAB seunit bagi Dana A selepas pengagihan?

- A. RM1.50
- B. RM1.45
- C. RM1.40
- D. RM1.38

**Jawapan C**

$$\begin{aligned} \text{NAB/unit sebelum agihan} &= \text{NAB/unit dalam edaran} \\ &= \text{RM}150,000,000 / 100,000,000 \\ &= \text{RM}1.50 \end{aligned}$$

$$\begin{aligned} \text{NAB/unit selepas agihan} &= \text{NAB/unit sebelum agihan} - \text{agihan} \\ &= \text{RM}1.50 - \text{RM}0.10 \end{aligned}$$

26. Berapakah NAB seunit Dana A sebelum agihan?

- A. RM1.50
- B. RM1.45
- C. RM1.40
- D. RM1.38

**Jawapan A**

$$\begin{aligned} \text{NAB/unit sebelum agihan} &= \text{NAB/unit dalam edaran} \\ &= \text{RM}150,000,000 / 100,000,000 \\ &= \text{RM}1.50 \end{aligned}$$

27. SUA ini melabur kebanyakannya dalam saham syarikat-syarikat tersenarai, dimana penekanan diberikan kepada pertumbuhan modal berbanding pendapatan tetap dan pengagihan.

- A. SUA Ekuiti
- B. SUA Imbang
- C. SUA Bon
- D. SUA Pasaran Wang

**Jawapan A**

Sebahagian besar portfolio SUA ekuiti adalah saham dalam syarikat tersenarai. (Bab 1, muka surat 1-13)

Soalan 28, 29 & 30

Pelaburan permulaan	: RM100,000
Bayaran Perkhidmatan Awal	: 6.5%
Yuran Pengurusan berterusan	: 1.4%
Kadar Pulangan	: 11%

28. Apakah pulangan pelaburan selepas 10 tahun?

- A. RM233,839.11
- B. RM234,831.27
- C. RM233,547.23
- D. RM234,098.95

**Jawapan B**

$$\begin{aligned} \text{Wang kerja} &= \text{RM}100,000 / (1 + 6.5\%) \\ &= \text{RM}100,000 / (1.065) \\ &= \text{RM}93,896.71 \end{aligned}$$

$$\begin{aligned}\text{Kadar pulangan berkesan} &= 11\% - 1.4\% \\ &= 9.6\%\end{aligned}$$

$$\begin{aligned}\text{Dengan menggunakan formula FV} &= PV (1 + i)^n \\ &= RM93,896.71(1+9.6\%)^{10} \\ &= RM93,896.71(1+0.096)^{10} \\ &= RM234.831.27\end{aligned}$$

29. Andaikan bayaran perkhidmatan awal menurun ke 6%, apakah pulangan pelaburan selepas 10 tahun ?

- A. RM233,839.11
- B. RM235,089.59
- C. RM235,938.96
- D. RM234,098.95

#### Jawapan C

$$\begin{aligned}\text{Wang kerja} &= RM100,000/(1+6\%) \\ &= RM100,000/(1.06) \\ &= RM94,339.62\end{aligned}$$

$$\begin{aligned}\text{Kadar pulangan berkesan} &= 11\% - 1.4\% \\ &= 9.6\%\end{aligned}$$

$$\begin{aligned}\text{Dengan menggunakan formula FV} &= PV (1 + i)^n \\ &= RM94,339.62(1+9.6\%)^{10} \\ &= RM94,339.62 (1+0.096)^{10} \\ &= RM235,938.96\end{aligned}$$

30. Berapa lamakah masa yang diperlukan untuk meningkatkan pelaburan ke RM200,000 dengan pulangan berkesan daripada soalan 28?

- A. 4.8 tahun
- B. 6.3 tahun
- C. 7.5 tahun
- D. 7.2 tahun

#### Jawapan C

$$\begin{aligned}\text{Peraturan 72} &= 72/9.6 \\ &= 7.5 \text{ tahun}\end{aligned}$$

31. NAB yang disiarkan di dalam surat khabar hari ini ialah RM0.65. Harga pada akhir hari urusniaga ialah RM0.66. Jika En. Eddie melabur RM10,000 hari ini, berapa banyak unit yang beliau dapat jika harga hadapan dipraktikkan. (Andaikan bayaran perkhidmatan awal ialah 5%)

- A. 14,430.02 unit
- B. 16,666.67 unit
- C. 15384.62 unit
- D. 15,151.52 unit

#### Jawapan A

$$\begin{aligned}\text{Amaun dilaburkan} &= RM10,000 \\ \text{Wang Kerja} &= RM10,000/(1+5\%) \\ &= RM9,523.81 \\ \text{Jumlah unit} &= RM9,523.81/RM0.66 \\ &= 14,430.02 \text{ unit}\end{aligned}$$

32. Di dalam Laporan Tahunan ABC Dana Millennium, perbelanjaan dana tersebut pada tahun kewangan ialah:

Yuran pengurusan tahunan	: RM3,528,673
Pemegang Amanah	: RM150,326
Bayaran Juru Audit	: RM28,418
NAB	: RM235,300,528

Apakah NPP bagi SUA ini?

- A. 1.50%
- B. 1.58%
- C. 0.07%
- D. 0.01%

#### Jawapan B

$$\begin{aligned}\text{NPP} &= \frac{\text{Yuran} + \text{Perbelanjaan yang dituntut balik}}{\text{Saiz purata tabung}} \times 100 \\ &= \frac{RM3,707,417}{235,300,528} \times 100\end{aligned}$$

$$= 1.58\%$$

33. En. Abraham melabur RM5,000 ke dalam Tabung Pertumbuhan ABC yang diuruskan oleh ABC Unit Trust Management Bhd. Sekarang, En Abraham memiliki:

- A. Nilai unit sebanyak RM5,000 dalam Tabung Pertumbuhan ABC.
- B. Nilai saham sebanyak RM5,000 dalam ABC Unit Trust Management Bhd
- C. Pemilikan secara langsung terhadap portfolio pelaburan sebanyak RM5,000 yang diperolehi melalui Tabung Pertumbuhan ABC.
- D. Modal berbayar di dalam ABC Unit Trust Management Bhd sebanyak RM5,000.

**Jawapan A**

Pelabur SUA tidak membeli sekuriti dalam portfolio secara langsung. Pemilikan portfolio terbahagi kepada unit kelayakan dan setiap pelabur dikenali sebagai pemegang unit. (Bab 1, muka surat 1-2)

34. Berapa kali seseorang pelabur akan menerima laporan dalam satu tahun kewangan?

- A. 1 kali
- B. 2 kali
- C. 3 kali
- D. 4 kali

**Jawapan B**

Garis Panduan Tabung Unit Amanah menghendaki setiap SUA menerbitkan sekurang-kurangnya 2 laporan bagi setiap tahun kewangan – satu laporan interim dan satu laporan tahunan. Setiap pemegang unit akan menerima satu salinan bagi setiap laporan dalam tempoh 2 bulan selepas berakhir tempoh kewangan tersebut. (Bab 3, muka surat 3-9)

35. En. A memilih Amanah Pelaburan Harta Tanah (APHT) yang melabur dalam harta tanah dimana akan membuka peluang kepada beliau untuk mengambil bahagian dalam pasaran harta tanah dengan cara yang biasanya mustahil untuk pelabur individu sepertinya kerana hanya mempunyai RM1,000. Pernyataan di bawah adalah betul tentang APHT kecuali:

- A. Semua APHT adalah tabung terbuka dan unit tidak disenaraikan di bursa saham.

- B. Pulangan daripada harta tanah terdiri daripada pendapatan sewa bersih, dicampur atau ditolak dengan perubahan dalam nilai harta sepanjang tempoh itu.
- C. Unit di dalam APHT tersenarai boleh dibeli dan dijual melalui broker saham dan biasanya PEUA tidak akan mengurus pembelian atau penjualan unit bagi pelabur.
- D. Harga unit dalam APHT didagangkan di Bursa Malaysia akan mengambil kira pulangan yang diperolehi.

**Jawapan A**

Harta tanah, sebagai kelas aset, paling sesuai untuk struktur tersenarai dan memandangkan pemegang unit hanya boleh menjual unit kepada pelabur lain, berikutan tawaran awam awal (IPO), malah SPUA pastinya telah mengumpulkan wang permohonan secukupnya untuk membeli harta tanah yang dicadangkan. (Bab 1, muka surat 1-12)

36. Selain daripada harga harian, pelabur perlu mengambil kira pengagihan yang telah diisyiharkan oleh pengurus tabung apabila mereka menilai prestasi tabung. Bagaimana ianya memberi kesan kepada NAB?

- A. NAB SUA diselaraskan secara menurun.
- B. NAB bagi unit dalam dana tersebut tidak akan berubah.
- C. NAB seunit telah meningkat.
- D. Kadar cukai akan berkurangan apabila pengagihan diisyiharkan.

**Jawapan A**

Setelah menerima pengagihan, NAB SUA akan jatuh dengan amaun yang sama dengan pengagihan. (Bab 1, muka surat 1-46)

37. NPP yang semakin menurun sepanjang tempoh beberapa tahun menunjukkan:

- A. Pengurus tabung mengurangkan yuran pengurusan tahunan.
- B. Syarikat pengurusan mungkin mengurus kos operasinya dengan cekap untuk saiz tabungnya.
- C. Prestasi SUA semakin baik berbanding sebelumnya.
- D. Prestasi SUA semakin teruk berbanding sebelumnya.

**Jawapan B**

NPP yang semakin menurun sepanjang tempoh beberapa tahun menunjukkan sesebuah SPUA mungkin mengurus kos operasinya dengan cekap untuk saiz tabungnya di mana NPP merupakan ringkasan kos operasi yang ditanggung oleh SUA. (Bab 1, muka surat 1-32)

Soalan 38 & 39

38. Pengagihan sebanyak RM0.04 seunit telah diagihkan bagi SUA XYZ. NAB sebelum pengagihan adalah RM1,500,000 sementara unit dalam edaran ialah 1,000,000 unit. Kira NAB seunit selepas pengagihan.

- A. RM1.49                    B. RM1.50  
B. RM1.46                    D. RM1.40

**Jawapan B**

$$\begin{array}{ll} \text{NAB/unit sebelum pengagihan} & = \text{RM1,500,000} \\ & 1,000,000 \text{ unit} \\ & = \text{RM1.50} \\ \text{NAB/unit selepas pengagihan} & = \text{RM1.50-RM0.04} \\ & = \text{RM1.46} \end{array}$$

39. Andaikan En. Z mahu membeli balik 20,000 unit dalam pelaburannya di SUA XYZ selepas pengagihan. Kirakan amanah yang akan beliau perolehi daripada belian balik semula unitnya.

- A. RM29,800.00              C. RM30,000.00  
B. RM28,000.00              D. RM29,200.00

**Jawapan D**

$$\begin{array}{l} \text{Jumlah belian balik} \\ = 20,000 \text{ unit} \times \text{RM1.46} \\ = \text{RM29,200.00} \end{array}$$

40. Bagi pelabur yang tidak boleh atau tidak sanggup melakukan kajian dan analisa pasaran pelaburan secara persendirian, SUA adalah cara yang sangat ideal untuk melabur. Terdapat beberapa lagi kelebihan yang penting apabila melabur dalam SUA seperti:

- i. Pengurusan yang profesional
- ii. Mudah tunai
- iii. Kos melepas
- iv. Pendedahan pelaburan
- v. Kepelbagai

- A. I,II,III sahaja
- B. I,II,III and IV sahaja
- C. I, II, IV and V sahaja
- D. Semua di atas

**Jawapan C**

Kos melepas adalah kekurangan SUA. Sebagaimana dengan mana-mana keputusan yang dibuat, pelabur yang melabur dalam SUA mungkin memperoleh pulangan yang lebih baik daripada mereka terus melabur dalam pasaran. Lebihan ini merupakan ‘kos melepas’ daripada pelaburan SUA. (Bab 1, muka surat 1-3 - 1-5)

41. Fungsi utama Suruhanjaya Sekuriti termasuklah

- i. Untuk mengawal selia semua perkara berkaitan dengan industri unit amanah.
- ii. Untuk memastikan bahawa peruntukan undang-undang sekuriti dipatuhi.
- iii. Untuk memberikan lesen dan mengawasi semua orang berlesen seperti yang mungkin diperuntukkan di bawah mana-mana undang-undang sekuriti.
- iv. Untuk bertindak selaku penjaga aset SUA.

- A. I,II,III
- B. I,II,IV
- C. II,III,IV
- D. IV sahaja

**Jawapan A**

Ianya adalah tanggungjawab Pemegang Amanah untuk menjaga asse SUA dan memastikan ianya dilaburkan mengikut terma-terma di dalam surat ikatan. (Bab 2, muka surat 2-2)

42. Pada umur 25 tahun, pemegang unit C, seorang pelabur agresif sanggup mengambil risiko yang tinggi untuk melabur dalam SUA B yang agresif. Beberapa tahun kemudian, pemegang unit C telah

berkahwin dan mempunyai anak dan merasakan keadaan peribadinya sudah berubah dan beliau lebih suka memilih untuk melabur dalam SUA yang berisiko sederhana ke rendah. Apakah cadangan yang paling baik untuk pemegang unit C bagi perubahan keadaan peribadinya?

- A. Menebus balik unit-unitnya
- B. Melaksanakan penggantungan
- C. Melakukan Penukaran
- D. Hak untuk tempoh menunggu

**Jawapan C**

Penukaran ialah belian balik unit dalam satu SUA (cth: SUA agresif) oleh SPUA atas permintaan pemegang unit dan melaburkan semula hasil daripada belian balik tersebut untuk membeli pula SUA yang berlainan (cth: SUA berisiko sederhana ke rendah) yang diuruskan oleh SPUA yang sama. (Bab 3, muka surat 3-8)

43. Teknik A beroperasi di mana tempoh pemilikan sebelum tarikh pengagihan yang lepas adalah tidak relevan. Justeru, pelabur mungkin layak untuk ‘membeli’ kelayakan pengagihan bagi tempoh sepenuhnya dengan memperolehi unit betul-betul sebelum tarikh pengagihan. Teknik A dikenali sebagai

- A. Pelaburan semula secara automatik
- B. Penggantungan
- C. Spread
- D. “Membeli” pengagihan

**Jawapan D**

“Membeli” kelayakan pengagihan bagi tempoh sepenuhnya bermaksud memiliki unit betul-betul sebelum tarikh pengagihan dibuat. Walau bagaimanapun, keputusan untuk membeli unit serta-merta sebelum tarikh pengagihan yang lepas telah mengurangkan modal pelabur, kerana harga SUA akan jatuh pada hari berikutnya mengikut jumlah pengagihan. Malah, pelabur telah menukar modalnya menjadi pendapatan tetap tetapi tidak menguntungkan. (Bab 3, muka surat 3-12)

44. “Purata Kos Dolar” boleh memberi kesan kepada purata kos pelaburan. Pernyataan yang mana menggambarkan dengan jelas mengenai kesan “Purata Kos Dolar”?

- A. Dengan jumlah wang yang tetap, pelabur boleh mendapat lebih unit apabila pasaran menaik dalam jangka masa pendek.
- B. Dengan jumlah wang yang tetap, pelabur boleh mendapat unit yang kurang dalam pasaran turun naik dalam jangka masa panjang.
- C. Dengan jumlah wang yang tetap, pelabur mendapat unit yang banyak dengan harga yang lebih rendah dan mendapat sedikit unit apabila harga naik dan ini akan mengurangkan purata kos bagi jangka masa yang panjang.
- D. Dengan jumlah wang yang tetap, pelabur boleh mendapat jumlah unit yang tetap pada harga rendah di mana ianya dapat mengurangkan purata kos bagi jangka masa yang panjang.

**Jawapan C**

Dengan menggunakan konsep “Purata Kos Dolar”, pelabur boleh mengambil peluang daripada turun naik harga unit untuk kepentingan mereka, terutamanya jika harga unit menurun, mereka boleh membeli lebih banyak unit dan mengurangkan kos purata keseluruhan portfolio pelaburan mereka. (Bab 3, muka surat 3-30 hingga 3-32)

45. Sebuah rumah satu tingkat hari ini berharga RM75,000. Apakah nilai benar rumah tersebut dalam masa 6 tahun akan datang dengan kadar inflasi 4% setahun?

- A. RM95,874.93
- B. RM93,000.93
- C. RM98,695.93
- D. RM94,898.93

**Jawapan D**

$$\begin{aligned}\text{Faktor terkompaun} &= (1 + i) \\ &= (1 + 4\%)^6 \\ &= (1 + 0.04)^6 \\ &= 1.265319\end{aligned}$$

Nilai rumah tersebut selepas 6 tahun

$$= \text{RM}75,000 \times 1.265319 \\ = \text{RM}94,898.93$$

46. Pernyataan yang mana tidak sepatutnya anda beritahu kepada pelabur yang berpotensi?

- A. SUA adalah selamat seperti simpanan tetap.
- B. Nilai pasaran modal anda mungkin boleh berkurangan berbanding modal permulaan.
- C. Pulangan dalam SUA adalah tidak tetap.
- D. Anda hendaklah mempelbagaikan portfolio dan juga mempunyai simpanan tetap.

**Jawapan A**

SUA, dalam jangka masa panjang boleh memberikan pulangan yang lebih baik daripada akaun simpanan tradisional dan simpanan tetap. ‘Kos’ bagi pulangan yang berpotensi lebih tinggi pasti disertai dengan risiko pelaburan yang tinggi juga. (Bab 1, muka surat 1-3)

47. Yang manakah antara berikut gambaran terbaik SUA Ekuiti?

- A. Melabur terutamanya dalam pasaran ekuiti.
- B. Melabur terutamanya dalam pasaran bon dan ekuiti.
- C. Melabur terutamanya dalam pasaran wang.
- D. Melabur terutamanya dalam pasaran harta tanah.

**Jawapan A**

Sebahagian besar portfolio SUA ekuiti adalah saham dalam syarikat tersenarai. (Bab 1, muka surat 1-13)

48. Untuk menghadapi cabaran daripada pelanggan yang berpengetahuan, PEUA cuba mencapai amalan yang berikut KECUALI:

- A. Mengamalkan piawaian perilaku peribadi yang tinggi
- B. Memaksa jualan
- C. Memiliki kelayakan profesional
- D. Pengetahuan produk yang baik

**Jawapan B**

PEUA perlu mengamalkan urus niaga adil (kod etika) sementara amalan jualan secara paksaan dan menyinggung perasaan pelabur mestilah dielakkan. (Bab 4, muka surat 4-26)

49. Bilakah PPUAM ditubuhkan?

- |               |              |
|---------------|--------------|
| A. Julai 1992 | C. Ogos 1993 |
| B. Ogos 1992  | D. Ogos 1994 |

**Jawapan C**

PPUAM telah ditubuhkan pada 7 Ogos 1993 sebagai sebuah syarikat berhad dengan jaminan dan tanpa modal saham. (Muka surat viii)

50. SPUA menggunakan kaedah harga hadapan apabila mengira harga jualan dan belian balik. Andaikan pada pukul 9.30 pagi hari ini NAB SUA adalah sebanyak RM180,000,000.00 dan unit dalam edaran adalah sebanyak 200,000.000. Pada akhir hari urus niaga NAB meningkat ke RM190,000,000.00 sementara unit dalam edaran tidak berubah. Jika pelanggan mahu menebus balik pada hari ini, berapakah harga belian balik seunit sekiranya tiada yuran belian balik dikenakan dan harga belian balik adalah pada NAB seunit?

- |           |           |
|-----------|-----------|
| A. RM0.95 | C. RM1.11 |
| B. RM1.05 | D. RM0.90 |

**Jawapan A**

NAB/unit pada akhir hari urus niaga

$$= \text{Jumlah NAB/Bilangan unit} \\ = \text{RM}190,000,000.00/200,000,000 \\ = \text{RM}0.95$$

51. Manakah bayaran berikut merupakan yuran yang dikenakan oleh pengurus terhadap pelaburan untuk menaggung kos mengagih unit amanah?

- A. Yuran pengurusan
- C. Yuran Pemegang Amanah
- B. Bayaran Perkhidmatan Awal
- D. Yuran belian balik

**Jawapan B**

Bayaran perkhidmatan awal merupakan kos kepada seseorang pelabur untuk melabur dalam, atau memasuki SUA dan ianya dikenakan terutamanya untuk menampung kos SPUA dalam memasarkan dan mengagihkan unit serta kos membuka akaun dalam pendaftaran unit untuk pemegang unit. (Bab 1, muka surat 1-29)

52. En. Hadi memegang 5,000 unit dalam SUA XYZ sebelum pecahan unit 1:2 dengan nilai pelaburan sebanyak RM10,000.00. Selepas berlakunya pecahan unit, akaun beliau dalam SUA XYZ akan mempunyai

- A. 2,500 unit pada nilai pelaburan RM10,000
- B. 5,000 unit pada nilai pelaburan RM15,000
- C. 7,500 unit pada nilai pelaburan RM15,000
- D. 7,500 unit pada nilai pelaburan RM10,000

**Jawapan D**

$$\begin{aligned} \text{Jumlah unit selepas pecahan unit} \\ = 5,000 \times 3/2 \\ = 7,500 \text{ unit} \end{aligned}$$

Kesan pecahan unit dalam SUA tidak memberikan kesan kepada NAB bagi SUA tersebut, malah kepada nilai pelaburan pemegang unit. (Bab 1, muka surat 1-44)

53. "Penanda Aras Pelaburan" ialah

- A. Objektif pengurusan dana dalam memilih sekuriti berdasarkan indeks komposit bursa saham yang khusus.
- B. Piawaian pengukuran untuk perbandingan prestasi pelaburan.
- C. Menukar portfolio pelaburan dari saham kepada sekuriti pendapatan tetap.

- D. Strategi yang memerlukan membeli pada harga rendah dan menjual pada harga tinggi.

**Jawapan B**

Prestasi bagi penanda aras yang relevan seperti IKKL, kadar faedah, dan kadang kala kadar inflasi dan pulangan KWSP adalah salah satu cara yang digunakan untuk mengukur prestasi. (Bab 1, muka surat 1-35)

54. Cik Amelia membelanjakan sebanyak RM25,000 pada tahun lepas dan pada tahun ini beliau membelanjakan sebanyak RM26,125 dengan kuasa membeli yang sama. Berapa banyak pula Cik Amelia perlu berbelanja jika mahu mendapat kuasa membeli yang sama pada tahun hadapan?

- |             |             |
|-------------|-------------|
| A. RM27,301 | C. RM27,250 |
| B. RM28,001 | D. RM30.350 |

**Jawapan A**

$$\begin{aligned} \text{Formula FV} &= PV (1 + i)^n \\ \text{RM26,125} &= \text{RM25,000} (1 + i) \\ 1.45 &= (1 + i) \\ 0.45 &= i \\ i &= 4.5\% \\ \text{FV} &= \text{RM25,000} (1 + 4.5\%)^2 \\ &= \text{RM25,000} (1.045)^2 \\ &= \text{RM27,301} \end{aligned}$$

55. Jika seorang pelabur mendapat pinjaman maksimum untuk melabur dalam SUA dan pelaburan daripada wangnya sendiri adalah sebanyak RM40,000, berapakah jumlah pelaburan keseluruhannya?

- |             |              |
|-------------|--------------|
| A. RM19,701 | C. RM81,212  |
| B. RM59,701 | D. RM121,212 |

**Jawapan D**

$$\begin{aligned} \text{Wang sendiri} &= 33\% \\ 33\% &= \text{RM40,000} \end{aligned}$$

$$\begin{aligned} 100 \% &= \underline{\text{RM40,000}} \times 100 \\ &\quad 33 \\ &= \text{RM121,212} \end{aligned}$$

56. \_\_\_\_\_ memperkenalkan rangka kerja perlesenan baru yang membentarkan perantaraan pasaran modal terlibat dalam satu atau lebih aktiviti yang dikawal selia dengan memegang satu lesen.

- A. Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan
- B. Akta Suruhanjaya Sekuriti
- C. Garis panduan Tabung unit Amanah
- D. Akta Industri Sekuriti

**Jawapan A**

57. Sesuatu SUA bercadang meningkatkan yuran pengurusan. Keputusan tersebut harus diluluskan oleh?

- A. Pegawai SUA
- B. Syarikat pengurusan SUA
- C. Penjaga (custodian) SUA
- D. Pemegang Unit SUA

**Jawapan D**

58. Azita baru sahaja membeli 5,000 unit didalam SUA Pertumbuhan ABC daripada PEUAnya Cik Anne, siapa yang membayar caj jualan permulaan untuk pelaburan tersebut?

- A. Azita
- B. Anne
- C. Pengurus tabung SUA Pertumbuhan ABC
- D. SUA Pertumbuhan ABC

**Jawapan A**

Yuran pelaburan permulaan dibayar oleh pemegang unit. (Bab 1, muka surat 1-29)

59. Aset dan pelaburan SUA akan dipegang di atas nama siapa?

- A. Pemegang Amanah
- B. SPUA
- C. Pelabur
- D. Rumah Broker Saham

**Jawapan A**

Semua aset SUA dipegang atas nama pemegang amanah untuk disimpan dengan selamat. (Bab 2, muka surat 2-15)

60. NAB seunit SUA C ialah RM0.89, andaikan ada 5% bayaran perkhidmatan awal dan tiada yuran penebusan, berapa banyak En. Kumar akan dapat jika beliau menebus 5,000 unit pelaburannya dalam SUA C?

- A. RM4,450
- B. RM4,227.50
- C. RM4,672.50
- D. RM4,500

**Jawapan A**

Penebusan semula  
= 5000 unit X RM0.89  
= RM4,450